Weaknesses in welfare assessments a serious issue - Noraini

By **Luqman Hakim, Zaf Seraj** November 25, 2025 @ 7:25 pm



Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad speaking in the Dewan Rakyat today - BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad has described weaknesses in the disability and welfare aid assessment process as a "serious issue" and called for the Welfare Department to review the matter.

Noraini told the Dewan Rakyat that the concerns raised by R. Yuneswaran (PH-Segamat) about applicants being rejected on the grounds that they were "still healthy", despite suffering from chronic or age-related conditions, were valid and required immediate attention.

"Thank you to the MP for raising this.

"This is something serious and I hope the department will re-examine how assessments are being made.

"Every application must be studied properly and should not face unnecessary bureaucracy," she said while winding up the debate on the 2026 Supply Bill for the ministry.

Yuneswaran questioned whether Welfare officers had adequate medical expertise to assess disability claims.

He said many elderly applicants, particularly in rural areas, relied on traditional or alternative treatments, which might not be reflected in their medical records, yet their applications were dismissed without a comprehensive understanding of their condition.

"For example, in one service centre, what we received was that nine out of 10 applications were rejected on health grounds.

"It means they were told they were still healthy, still able to work, and so on.

"And do the officers assessing these applications have any medical background?

"Segamat is an ageing district, and this also applies to the deputy minister's area (Parit Sulong) and other rural areas in northern and central Johor," he said.

Noraini said she has "taken note" of the issue for review.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM Teliti Semula Proses Permohonan Bantuan JKM Susulan Kompetensi Pegawai Penilai

🕒 25/11/2025 07:58 PM



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad yang juga Ahli Parlimen Port Klang saat sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2026 peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Dewan Rakyat hari ini. —BERNAMA (2025) H&E CPTA TERBUKARA

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) akan meneliti semula proses penilaian permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) susulan kebimbangan berhubung kompetensi pegawai penilai terutama bagi kes melibatkan pemohon di kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata situasi itu menimbulkan persoalan sama ada penilaian yang dibuat pegawai berkenaan benar-benar mengambil kira keadaan pemohon, terutama golongan yang tidak mempunyai akses kepada rawatan perubatan formal.

"...ini sesuatu yang serius yang saya harap dapat dilihat semula oleh JKM dalam membuat penilaian, setiap permohonan yang dikemukakan itu perlu diteliti dan tidak ada birokrasi.

"Sekiranya layak haruslah diberikan kelulusan sesuai dengan permohonan yang telah dilaksanakan," katanya ketika mengulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2026 peringkat jawatankuasa bagi KPWK di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan R. Yuneswaran (PH-Selangor) yang bangun mencelah dan membangkitkan isu kekerapan permohonan bantuan JKM ditolak serta mempersoalkan sama ada pegawai yang membuat penilaian mempunyai latar belakang perubatan, memandangkan ramai penduduk khususnya di kawasan luar bandar mendapatkan rawatan tradisional.

Noraini berkata JKM telah menerima kenaikan peruntukan sebanyak RM2.7 bilion atau 12.83 peratus pada tahun ini, meningkat daripada RM2.4 bilion pada 2024 sekali gus memperkukuh penyampaian bantuan termasuk pelaksanaan syarat kelayakan yang diperluas bagi beberapa skim.

Beliau berkata kenaikan kadar bantuan itu melibatkan pelbagai kategori termasuk bantuan kanak-kanak daripada RM150-RM200 kepada RM200-RM250 seorang dengan had maksimum RM1,000 sekeluarga, warga emas daripada RM500 kepada RM600 sebulan dan bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) minimum RM100-RM350 kepada RM150-RM500.

Katanya syarat pendapatan bagi bantuan penjagaan OKU dan pesakit kronik terlanjur juga dilonggarkan daripada RM3,000 kepada RM5,000 manakala syarat kelayakan pendapatan bagi eluan pekerja OKU dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM1,700 dengan kadar RM450 sebulan dikekalkan.

Sementara itu, mengulas mengenai pencapaian satu peratus pengambilan pekerja OKU dalam sektor awam, Noraini berkata setakat 30 Jun lepas, hanya 0.64 peratus atau 9,331 individu golongan itu telah diambil bekerja manakala KPWK sendiri telah mengisi 170 jawatan melibatkan OKU.

"KPWK dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan agensi lain sangat komited untuk mencapai satu peratus penglibatan OKU dalam sektor perkhidmatan awam," katanya.

Dewan Rakyat kemudiannya meluluskan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM4,187,963,600 bagi kementerian itu dalam Belanjawan 2026 dengan majoriti suara bersetuju selepas dibahas 26 Ahli Parlimen.

Terdahulu, pada sesi perbahasan itu beberapa Ahli Parlimen turut mengucapkan Selamat Menyambut Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita yang disambut pada 25 Nov setiap tahun.

Mereka turut mengenakan pakaian berwarna oren selaras dengan saranan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Johari Abdul semalam sebagai tanda solidariti.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM Laksana Projek Fizikal, Program Sosial Di Kampung Kedah

🕒 25/11/2025 07:41 PM



Ketua Pengarah, Kebajikan Masyarakat Datuk Che Murad Sayang Ramjan meninjau barangan keperluan mangsa banjir yang di tempatkan di Mini Depoh Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat Kampung Kedah.

PARIT BUNTAR, 25 Nov (Bernama) -- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjaya melaksanakan tujuh projek fizikal dan 14 program sosial yang memberikan manfaat kepada penduduk di sekitar Kampung Kedah, di sini menerusi inisiatif Program Kampung Angkat MADANI.

Ketua Pengarah JKM Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkata pihaknya melaksanakan projek kemudahan asas termasuk menaik taraf dataran, pagar dan kerja-kerja berkaitan di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Taman Seri Tenggara.

Beliau berkata JKM turut menaik taraf gelanggang sepak takraw Kampung Kedah, menaik taraf Dewan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Taman Seri Tenggara, menaik taraf mini depoh simpanan barang bencana di Kampung Kedah serta pembinaan taman rekreasi mini dan monumen Kampung Angkat MADANI di Kampung Kedah.

Selain itu, gazebo Sekolah Menengah Kebangsaan Panglima Bukit Gantang turut dibina selain membaiki pulih tandas mesra Orang Kurang Upaya (OKU) dan tangki septik Surau Nur Jihad Kampung Kedah.

"Kesemua projek ini dapat melengkapkan kemudahan asas kampung bagi keperluan penduduk setempat melakukan aktiviti riadah, sosial dan kerohanian," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian penutupan Pantuk Tirai @ Program Kampung Angkat MADANI di Dewan PDT Taman Sri Tenggara, di sini hari ini.

Che Murad Sayang berkata pihaknya turut melaksanakan 14 program sosial meliputi program berbentuk psikologi komuniti, advokasi kanak-kanak, sokongan kepada warga emas dan OKU serta program intergenerasi.

Beliau berkata JKM komited untuk terus menyokong pembangunan komuniti melalui bantuan profesional, program intervensi sosial dan sokongan teknikal kepada masyarakat.

"Saya percaya kemudahan yang telah dinaik taraf dapat digunakan sebaik mungkin oleh penduduk setempat, selain dapat memelihara semangat kesukarelawanan dan meneruskan hubungan baik dengan agensi kerajaan," katanya.

Program Kampung Angkat MADANI merupakan inisiatif kerajaan dalam merapatkan jurang pembangunan antara bandar dengan luar bandar dalam aspek menyediakan kemudahan asas diperlukan.

Pendekatan *whole of nation* yang digerakkan dalam Kampung Angkat MADANI juga memberikan peluang kepada penjawat awam pelbagai kementerian dan agensi untuk turun padang secara langsung, sekali gus mengubah cara kerajaan berinteraksi dengan rakyat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM Ingatkan Sumbangan Perlu Diselaras Elak Pembaziran Di PPS

🕒 25/11/2025 09:17 PM



--fotoBERNAMA (2025) HAK Cipta TERPELIHARA.

PUTRAJAYA, 25 Nov (Bernama) -- Semua bentuk bantuan dan sumbangan kepada mangsa bencana perlu diselaraskan terlebih dahulu bagi memastikan ia bersesuaian dengan keperluan serta mencukupi untuk mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS), menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

JKM dalam kenyataan hari ini memaklumkan langkah itu penting bagi mengelakkan berlakunya lambakan, pembaziran, pertindihan barangan bantuan dan kerosakan barangan yang tidak digunakan.

Menurut jabatan itu, pihaknya amat menghargai keprihatinan orang ramai dan pelbagai pihak yang sentiasa tampil menghulurkan bantuan ketika berlaku bencana di seluruh negara.

"Sehubungan itu, terdapat tiga saluran sumbangan kepada mangsa bencana iaitu melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Ibu Pejabat JKM atau JKM Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) serta PPS.

"Penyumbang boleh merujuk InfoBencanaJKM di pautan <https://infobencana.jkmv2.jkm.gov.my/> untuk mendapatkan maklumat berhubung status pembukaan PPS dan bilangan mangsa di PPS," menurut kenyataan itu.

Jabatan itu memberitahu sebarang maklumat lanjut berhubung penyaluran sumbangan untuk tujuan berkenaan boleh diperoleh dengan menghubungi Bilik Gerakan JKMN.

Bagi penyumbang yang berada di Perlis, JKM memaklumkan, mereka boleh menghubungi Bilik Gerakan JKMN di talian 04-970 8160, Kedah 04-700 1700, Pulau Pinang 04-650 5258/9, Perak 05-254 5505, Selangor 03-5545 5598, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur 03-401 0400 dan Negeri Sembilan 06-765 9332.

Selain itu, di Melaka 06-232 4670, Johor 07-233 0399, Pahang 09-565 0284, Terengganu 09-627 4262, Kelantan 09-741 6925, Sabah 088-255 133, Sarawak 082-374 888 dan WP Labuan 087-424 961.

Menurut laman sesawang InfoBencanaJKM, setakat 8.45 malam ini, sebanyak 19,847 mangsa banjir ditempatkan di 138 PPS di 10 negeri termasuk WP Kuala Lumpur.

Kelantan mencatatkan jumlah mangsa banjir tertinggi iaitu 9,344 orang daripada 3,481 keluarga, dengan 41 PPS dibuka di empat jajahan terjejas iaitu Kota Bharu, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lapan Depoh Barangan Keperluan Bencana Di Seluruh Negara – JKM

🕒 25/11/2025 09:00 PM



PARIT BUNTAR, 25 Nov -- Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Datuk Che Murad Sayang Ramjan meninjau barangan keperluan mangsa banjir yang di tempatkan di Mini Depoh Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat Kampung Kedah hari ini. Kerajaan Persekutuan dan negeri telah memperuntukkan kira-kira RM49.2 juta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi melaksanakan pengurusan bencana banjir di seluruh negara sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL). -- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

PARIT BUNTAR, 25 Nov (Bernama) -- Sebanyak lapan depoh barangan keperluan bencana disediakan di beberapa negeri sebagai tempat penyimpanan bekalan termasuk makanan bagi kawasan yang terputus hubungan apabila dilanda sebarang bencana.

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkata kesemua lapan depoh itu terletak di Bedong, Kedah; Muar, Johor; Sungai Buloh, Selangor; Marang, Terengganu; Kemumin Pengkalan Chepa, Kelantan; Kuantan, Pahang; Kota Samarahan, Sarawak dan Kota Kinabalu di Sabah.

Beliau berkata JKM turut menyediakan 11 stor negeri dan 119 stor daerah, 65 mini depoh dan 562 pangkalan hadapan di seluruh negara.

"JKM mempunyai 5,789 pegawai dan kakitangan yang ditugaskan di pusat pemindahan sementara (PPS) di seluruh negara selain 5,744 sukarelawan JKM turut ditempatkan di PPS.

"Pada masa kini, banyak negeri telah membuka PPS untuk menempatkan mangsa banjir dan saya juga telah menghubungi setiap pengarah (JKM) negeri (terjejas banjir) untuk mendapatkan maklumat terkini dan sehingga kini keadaan di kesemua PPS yang beroperasi adalah terkawal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis penutup Pantuk Tirai @ Program Kampung Angkat MADANI di Dewan PDT Taman Sri Tenggara di sini hari ini.

Dalam pada itu, Che Murad Sayang berkata JKM menerima 50,000 unit makanan dalam pek (retort) yang disediakan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk diedarkan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di PPS.

"Dalam tempoh 24 jam selepas PPS dibuka, kita akan sampaikan bekalan makanan dalam pek terlebih dahulu sebelum kita menggerakkan aktiviti gotong-royong bagi penyediaan makanan untuk mangsa banjir," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



WE2025 galak wanita terajui perdagangan, inovasi

Oleh Rafhanah Hazirah Ramlin - November 25, 2025 @ 2:35pm



Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib menyampaikan ucapan majlis pelancaran WE2025: Future in Motion di MITEC KL. - NSTP/ROHANIS SHUKRI

KUALA LUMPUR: Malaysia menjadi tumpuan kepimpinan wanita serantau dan global apabila WE2025: Future in Motion dilancarkan hari ini, bertujuan meningkatkan penyertaan wanita dalam kepimpinan, perdagangan dan inovasi di seluruh ASEAN. Acara itu turut disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib berkata kepimpinan wanita kekal sebagai keperluan strategik, dan usaha merapatkan jurang kepimpinan wanita di semua peringkat pembuatan keputusan sedang giat dijalankan melalui dasar RMK13.

"Kepimpinan wanita kekal sebagai satu keperluan strategik. Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) berusaha merapatkan jurang kepimpinan ini melalui dasar-dasar yang memajukan wanita di semua peringkat pembuatan keputusan dalam kerajaan, GLC, bilik lembaga pengarah, sektor STEM dan lain-lain. Masa depan Malaysia bergantung pada usaha membuka potensi penuh setiap rakyat di mana wanita mesti diperlengkapkan dan diberdayakan untuk memimpin. WE2025 mengangkat komitmen ini sebagai agenda nasional dalam pemerikasaan ekonomi dan kepimpinan," katanya.

Pengerusi Eksekutif Qube Integrated Malaysia dan Pengerusi Penganjur Bersama WE2025, Richard Teo berkata acara itu menyediakan platform kepada wanita untuk memainkan peranan utama dalam perdagangan, pelaburan, keusahawanan dan pembuatan keputusan.

Turut hadir pemimpin terkemuka termasuk bekas Presiden Kosovo, TYT Atifete Jahjaga; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Akselerasi Eksport) MATRADE, Encik Abu Bakar Yusof; Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa KPWK, Dr. Satish Ranggayah; dan Pengarah Urusan Qube Integrated Malaysia, Jessie Tan.

WE2025 menampilkan pameran perdagangan dengan lebih 150 pempamer dari Malaysia, China, Singapura, Timur Tengah, Kanada dan Jepun, termasuk perusahaan mikro yang diterajui wanita, inisiatif kerajaan, jenama ekonomi kreatif serta syarikat teknologi dan inovasi. Acara ini turut disokong oleh platform WE in Exchange untuk padanan perniagaan yang menghubungkan usahawan, pelabur dan pembuat keputusan.

Selain itu, 15 acara satelit dianjurkan termasuk ASEAN Technology Cooperation and Development Summit, Women in Shipping and Maritime Forum (WISTA), Power Women Summit, serta dialog perniagaan oleh Kosovo dan Bhutan. Acara satelit memberi tumpuan kepada kepimpinan inklusif, penggunaan AI secara beretika, STEAMM dan masa depan pekerjaan serantau.

Acara ini juga menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara BRICS Women's Business Alliance yang diwakili Anna Nesterovas dan Persatuan Usahawan Wanita Kebangsaan Malaysia (NAWEM) yang diwakili Timbalan Presiden, Saliza Abdullah, disaksikan oleh Tengku Permaisuri Selangor. MoU itu dimeterai bagi tujuan penubuhan Pejabat Wilayah BRICS Women Business Alliance di Malaysia, sekali gus mengukuhkan peranan Malaysia sebagai hab strategik kerjasama ekonomi wanita dengan negara anggota BRICS.

WE2025 membuktikan wanita kini berada di pusat pembangunan ekonomi negara dan memberi inspirasi kepada generasi akan datang untuk terus menerajui sektor perdagangan, teknologi dan kepimpinan. Acara berlangsung dari 25 hingga 27 November 2025, dijangka mencetuskan potensi perdagangan serta pelaburan bernilai RM100 juta melalui pelbagai inisiatif strategik.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jadikan PDK hab komuniti OKU, bukan sekadar pusat terapi

YESTERDAY

Anne Muhammad

PDK harus diperkasa untuk juga tawar sokongan yang mampu tingkat kualiti hidup OKU dan keluarga, kata Dr Taufiq Johari.



Ahli Parlimen gesa agar peranan PDK diperluas dengan tawar sokongan pekerjaan serta latihan vokasional ringan untuk OKU. (Gambar Bernama)

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu memperkasakan peranan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sebagai hab pembangunan komuniti orang kurang upaya (OKU) dengan menawarkan sokongan pekerjaan, latihan vokasional ringan serta kaunseling keluarga bagi membuka peluang hidup yang lebih bermakna kepada golongan itu.

Dr Taufiq Johari (PH- Sungai Petani) berkata, PDK tidak seharusnya menjadi lokasi terapi semata-mata, sebaliknya perlu berfungsi sebagai pintu masuk kepada sistem sokongan komprehensif yang dapat meningkatkan kualiti hidup OKU dan keluarga mereka.

"Selain itu, pegawai PDK perlu diperkukuh, kebajikan perlu dijaga," katanya ketika perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) di Dewan Rakyat.

Dalam pada itu, berkaitan penjagaan orang tua, Taufiq berkata, data menunjukkan lebih 15% rakyat Malaysia kini berusia 60 tahun ke atas pada 2030, meletakkan Malaysia sebagai negara menua.

Justeru, beliau berkata, kerajaan perlu memperluas latihan berasaskan komuniti untuk penjaga warga emas, dengan modul kejururawatan asas, kesihatan mental dan pengurusan demensia.

Katanya, latihan itu boleh dilaksanakan melalui kerjasama antara Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), PDK dan politeknik TVET sedia ada.

"Apabila penjaga dilatih dengan baik, kita bukan sahaja meningkatkan kualiti penjagaan, tetapi juga membuka laluan kerjaya bernilai tinggi untuk wanita," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cabinet approves Anti-Bullying Bill, to be tabled in Parliament on Dec 1

By **Zaf Seraj, Luqman Hakim** November 25, 2025 @ 2:56pm



Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said.

KUALA LUMPUR: The cabinet has approved the draft of the Anti-bullying Bill to be tabled in the Dewan Rakyat on Dec 1.

Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said, said that Putrajaya has conducted 12 town hall sessions in September and October involving 300 to 400 participants which includes school principals, teachers, the Parent-Teacher Associations, relevant agencies, children and students from Higher Education Institutions before drafting the bill.

"In line with this engagement process, the government is now in the final phase of drafting the Anti-Bullying Bill to strengthen efforts on prevention and protection, particularly concerning children under Phase One.

"On Nov 21, 2025, the Cabinet approved the Anti-Bullying Bill to be tabled.

"The first reading is scheduled for Dec 1, 2025," she said in a written parliamentary reply.

She also said that members of Parliament would be briefed on the same day of the tabling to explain the way the committee works, the jurisdiction of the Tribunal, and the implementation mechanism.

However, the Bill was also presented to the Women, Children and Community Development parliamentary committee on Nov 19 as part of parliamentary consultation.

The Bill introduces a clear and comprehensive legal definition of bullying—including physical, verbal and online behaviour—to ensure consistent understanding across institutions, enforcement bodies, parents and the public.

It grants educational institutions clear autonomy to use their internal committees as the first line of prevention, detection, management and reporting of bullying in a structured way.

For cases unresolved at the institutional level, the Bill establishes a child-friendly Anti-Bullying Tribunal empowered to provide protection, counselling and rehabilitation through a non-adversarial process.

The civil framework emphasises prevention, victim protection and offender rehabilitation, built on restorative and inclusive principles to support children's emotional and moral development.

The Bill also strengthens alternative dispute resolution, including restorative mediation, ensuring parental involvement and long-term support for both victims and perpetrators.

The bill comes after numerous cases of bullying which captured media attention, including the death of Form 1 student **Zara Qairina Mahathir**, SMK Agama Tun Datu Mustapha in Sabah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengasuh Tidak Berdaftar, Beri Risiko Kepada Keselamatan Kanak-kanak

25 November 2025

Berita Utama Dari Parlimen

KUALA LUMPUR, 25 Nov – Ahli Parlimen Tampin, Datuk Mohd Isam Mohd Isa meluahkan kebimbangan beliau mengenai pengasuh yang beroperasi di rumah, sekaligus memberi risiko kepada keselamatan kanak-kanak.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Tampin berkata ini kerana isu ini menyentuh mengenai kebajikan kanak-kanak, sekaligus turut sama memberi kesan kepada kesejahteraan ibu bapa yang bekerja.



"Di seluruh negara, ramai ibu bapa bergantung sepenuhnya kepada pengasuh yang beroperasi di rumah kerana terdesak dan tiada pilihan.

"Namun apabila kemudahan ini tidak berdaftar, tidak dipantau dan tidak mempunyai standard keselamatan minimum. Risikonya amat besar kepada anak-anak," katanya.

Mohd Isam berkata demikian pada perbahasan RUU Perbekalan 2026 peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Dewan Rakyat.

Mengulas lanjut beliau turut mencadangkan agar kementerian memperkenalkan insentif yang menarik supaya pengasuh tampil ke hadapan dan membuat pendaftaran.

"Pada masa yang sama, kementerian juga tidak boleh terus mengamalkan dasar yang menekan para pengasuh yang beroperasi di rumah tanpa menyediakankan jalan keluar," ujar beliau. – *UMNO Online*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita buat laporan palsu dakwa dirogol selepas dimarah keluarga pulang lewat

🕒 25 November 2025, 10:52am



Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, M Kumarasan. – FOTO FAIL NSTP

Oleh: Izz Laily Hussein

ISKANDAR PUTERI: Seorang wanita membuat laporan menjadi mangsa rogol pemandu e-hailing dan dipaksa melakukan seks luar tabii sebelum polis mendapati semuanya palsu.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner M Kumarasan berkata, wanita tempatan berusia 25 tahun yang tidak bekerja itu berbuat demikian kerana dimarahi keluarga selepas pulang lewat.

"Kita menerima laporan polis dibuat wanita berkenaan pada jam 10.27 pagi semalam, mendakwa dirogol dan dipaksa melakukan seks luar tabii dalam kereta pemandu e-hailing di kawasan Jalan Pulai Perdana, Kangkar Pulai di sini, pada jam 8.30 malam kelmarin.

"Siasatan mendapati pengadu membuat laporan palsu kerana dimarahi keluarganya apabila pulang lewat ke rumah," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Kumarasan berkata, keterangan wanita itu sudah diambil untuk siasatan lanjut dan mengingatkan orang ramai supaya tidak membuat laporan palsu.

"Perbuatan membuat laporan palsu adalah kesalahan di bawah Seksyen 182 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjara enam bulan atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiada aduan rasmi madrasah dera pelajar



NORAFIZA JAAFAR

Follow

25 November 2025 10:49am



Rahmad (kiri) menyantuni calon SPM di SMK Air Molek pada Selasa.

MELAKA - Kerajaan negeri tidak menerima sebarang laporan rasmi dakwaan sebuah madrasah di Melaka Tengah didakwa memukul dan mendera pelajar seperti tular di media sosial

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, walaupun sebelum ini terdapat kes serupa melibatkan beberapa madrasah swasta di negeri ini, namun tiada aduan baharu diterima setakat ini.

Menurutnya, setakat ini dakwaan yang tular hanyalah maklumat daripada media sosial dan belum disahkan melalui saluran aduan rasmi.

"Pegawai-pegawai institut pendidikan sedang melakukan siasatan bagi mengenal pasti sekolah yang dimaksudkan.

"Lebih baik aduan dibuat terus kepada pihak kami untuk tindakan segera," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Molek sempena Hari Pertama Peperiksaan Bertulis Sijik Pelajaran Malaysia (SPM) pada Selasa.

Rahmad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek berkata demikian ketika diminta mengulas tular dakwaan bekas pelajar madrasah berkenaan mendedahkan berlaku penderaan fizikal serta pengabaian kebajikan pelajar sepanjang tempoh tiga tahun belajar di pusat berkenaan.

Dakwanya, pemilik madrasah kerap mengasari pelajar selain mereka dilarang menceritakannya kepada ibu bapa atau pihak luar.

Madrasah berkenaan juga dikatakan tidak memaklumkan ibu bapa sekiranya pelajar jatuh sakit walaupun dalam keadaan serius.

Rahmad berkata, kerajaan negeri dan Institut Pendidikan Islam Swasta (IPIS) sentiasa memantau dakwaan seumpama itu, namun tindakan lanjut hanya dapat diambil jika laporan rasmi dikemukakan.



Rahmad

"Memang ada berlaku beberapa kes sebelum ini membabitkan madrasah milik pihak swasta tapi seruan saya kepada pelajar dan ibu bapa, terus buat aduan kepada kami...Insya-ALLAH kami akan tangani sebaik-baiknya.

"Kerana ada beberapa juga madrasah telahpun kita tutup operasinya disebabkan kes-kes sebegini beberapa tahun lepas," katanya.

Rahmad berkata, antara madrasah yang pernah diambil tindakan termasuk di kawasan Paya Rumput dan Sungai Petai.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan seramai 13,358 calon telah mendaftar untuk menduduki SPM tahun ini di 100 pusat peperiksaan di Melaka dengan peperiksaan bertulis bermula 25 November hingga 23 Disember.

Daripada jumlah itu seramai 11,371 merupakan calon sekolah kerajaan, bantuan kerajaan dan sekolah agama bantuan kerajaan di 76 sekolah.

Diikuti 694 calon sekolah di bawah agensi kerajaan selain KPM termasuk MRSM, Henry Gurney dan Tunas Bakti.

Selain itu, 21 calon sekolah agama negeri, 206 calon sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM dan 1,066 calon persendirian.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru disyaki cabul 2 murid direman 7 hari

🕒 25 November 2025, 1:10pm



Suspek keluar dari Mahkamah Majistret Batu selepas direman kerana cabul murid. – Foto NSTP

Oleh: Alias Abd Rani

BATU PAHAT: Seorang guru sebuah sekolah agama di daerah ini direman tujuh hari di Mahkamah Majistret hari ini selepas disyaki melakukan amang seksual fizikal terhadap dua murid perempuan ketika melaksanakan hukuman denda terhadap mereka.

Perintah reman terhadap suspek berusia 29 tahun itu dikeluarkan Majistret Nurasidah A Rahman bermula hari ini sehingga Isnin.

Ia bagi membolehkan polis menjalankan siasatan lanjut terhadap suspek mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017.

Berdasarkan laporan, dua kejadian berlaku iaitu sejak tahun 2023 dan tahun lalu di mana mangsa diminta menutup mata menggunakan sapu tangan.

Tindakan itu dibuat suspek sebagai hukuman terhadap mangsa kerana didapati secara tidak sengaja menumpahkan ayam di atas meja di dalam kelasnya.

Ketika menutup mata, mangsa diarahkan menanggalkan separuh pakaian dan pada masa sama, suspek meminta murid terbabit berjanji untuk tidak menceritakan kejadian itu kepada orang lain.

Salah seorang mangsa menerusi laporan itu memberitahu, kejadian ini sudah banyak kali berlaku dengan suspek memanggilnya memasuki dalam kelas tanpa kehadiran murid lain sebelum melakukan perbuatan itu.

Susulan laporan dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat semalam, polis menahan suspek pada hari sama bagi membantu siasatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hukuman penjara 24 tahun lelaki lakukan amang seksual fizikal ke atas anak kandung kekal

Oleh BERNAMA - November 25, 2025 @ 5:07pm



Gambar hiasan. - Foto NSTP

PUTRAJAYA: Mahkamah Rayuan hari ini mengekalkan hukuman penjara 24 tahun ke atas seorang lelaki yang didapati bersalah melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandungnya yang berumur 13 tahun.

Panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Azman Abdullah, Datuk Mohamed Zaini Mazlan dan Datuk Noorin Badaruddin membuat keputusan terbabit selepas menolak rayuan lelaki berumur 45 tahun itu.

Ketika membacakan keputusan mahkamah, Noorin berkata hukuman ke atas perayu adalah setimpal kerana kesalahan yang dilakukan ialah jenayah yang menjijikkan.

"Mahkamah perlu memberikan peringatan dan amaran bukan sahaja kepada perayu tetapi juga kepada masyarakat.

"Jenayah seksual terhadap kanak-kanak terutama dilakukan oleh seorang bapa kandung adalah satu jenayah yang dipandang serius oleh mahkamah, yang mewajarkan satu hukuman berat," kata beliau.

Panel itu turut memerintahkan waran pemenjaraan dikeluarkan untuk lelaki itu menjalani hukuman berkuat kuasa hari ini.

Sebelum ini, perayu dibebaskan dengan jaminan RM15,000 sementara menunggu pelupusan rayuannya.

Noorin juga berkata mahkamah mendapati keterangan mangsa adalah keterangan yang tidak sukar untuk diterima.

Beliau berkata meskipun mangsa lewat mendedahkan kejadian itu, kelewatan tersebut tidak menimbulkan keraguan yang munasabah.

"Mangsa semasa kejadian baru berumur 13 tahun, seorang kanak-kanak yang masih memerlukan perlindungan daripada kedua ibu bapanya.

"Apabila jenayah dilakukan oleh seorang bapa yang menjadi tempat perlindungannya, adalah sukar untuk mangsa menzahirkan kepada sesiapa pun.

"Kami berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh mangsa mengenai kelewatannya dalam menzahirkan jenayah yang dilakukan ke atasnya oleh bapa kandungnya sendiri," katanya.

Terdahulu, peguam Iskandar Shah Ibrahim yang mewakili perayu berhujah bahawa kredibiliti mangsa sebagai saksi diragui kerana laporan polis hanya dibuat tiga tahun selepas kejadian.

Timbalan Pendakwa Raya, Nik Mohd Fadli Nik Azlan, pula berhujah mangsa hanya membuat laporan polis pada 2021 kerana bimbang akan kehilangan lelaki itu kerana ketika kejadian, remaja itu masih bergantung kepada bapa kandungnya.

Pada 8 Jun 2023, Mahkamah Sesyen Muar mendapati lelaki itu bersalah atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandung perempuannya dan menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun bagi setiap pertuduhan, serta memerintahkan hukuman itu berjalan serentak.

Pada 28 April tahun lalu, Mahkamah Tinggi menolak rayuan lelaki itu terhadap sabitan dan hukuman.

Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan silang pendakwaan supaya lelaki itu menjalani hukuman penjara secara berasingan iaitu selama 24 tahun.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu melakukan perbuatan tersebut di dalam bilik sebuah rumah di daerah Muar, Johor pada Disember 2017 serta Januari dan Februari 2018.

Turut mewakili pihak pendakwaan ialah Timbalan Pendakwa Raya Zaki Asyraf Zubir.